

Generasi muda pemimpin dunia masa kini

UTUSAN MALAYSIA

16/5/2016 p-9

KUALA LUMPUR 15 Mei - Ungkapan generasi muda sebagai pemimpin masa hadapan tidak lagi sesuai digunakan kerana golongan tersebut ketika ini mewakili lebih 60 peratus jumlah penduduk dunia.

Presiden Majlis Belia Komenwel (CYC), Kishva Ambigapathy berkata, generasi muda adalah pemimpin masa kini dan boleh memainkan peranan penting dalam membawa perubahan kepada dunia.



**KISHVA
AMBIGAPATHY**



GELAGAT para pelajar UPM ketika mengadakan demonstrasi roket air ciptaan mereka.

diatur sempena sambutan Hari Belia Negara 2016 yang dijalankan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Selain Kishva, turut menjadi panel adalah Presiden Majlis Belia Asia (AYC), Hun Many.

Dalam sesi tersebut, Kishva turut berkongsi pengalaman bagaimana kerajaan Britain begitu menghargai generasi muda dengan memberi mereka kuasa untuk membuat keputusan dalam setiap mesyuarat kementerian dan jabatan kerajaan.

Beliau berharap, dunia dapat mencontohi Britain dan tidak lagi melihat generasi muda sebagai satu beban.

Sementara itu, Hun berkata,

generasi muda perlu sentiasa bersikap positif dan mengambil tahu tentang isu semasa untuk menjadi seorang pemimpin berkaliber.

Kata beliau, dua sikap tersebut jika dipupuk mampu menghasilkan individu hebat yang tidak mudah goyah dengan sebarang tekanan atau masalah.

“Kita perlu ambil tahu situasi semasa kerana apa yang berlaku pada masa hadapan semuanya bermula dari hari ini.

“Generasi muda juga perlu ingat masyarakat akan mencari pemimpin untuk menyelesaikan sesuatu masalah, bagaimana mahu menjadi pemimpin jika kita tidak berilmu,” jelasnya.

“Siapa yang mewujudkan sistem media sosial yang telah mengubah keadaan sosial dunia? Orang tersebut adalah generasi muda. Sebenarnya banyak lagi kita boleh sumbangkan kepada dunia kerana kitalah pemimpin pada masa kini.

“Apa yang penting di sini generasi muda perlu diberi peluang dan ruang untuk bersuara bagi menyatakan pandangan mereka,” katanya dalam Sesi Perkongsian Pengalaman bertajuk *Youth Leader and Sustainable Development Goals: Managing and Leading With Creative Mind* sempena Konvensyen Belia Kebangsaan 2016 di sini hari ini.

Konvensyen berkenaan merupakan salah satu program yang